

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 26 SEPTEMBER 2016 (ISNIN)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	MOSTI to boost efforts for more science students	BERNAMA
2.	MOSTI tingkat usaha tambah bilangan pelajar ceburi bidang sains	BERNAMA
3.	SIRIM hasilkan bateri MyLipos	Utusan Malaysia
4.	Beware of ransomware	New Straits Times
5.	Usahawan barangan terpakai kini terajui syarikat bioteknologi	Berita Harian
6.	Nurturing technopreneurs	The Star



MOSTI to Boost Efforts for More Science Students

MELAKA, Sept 25 (Bernama) -- The **science, technology and innovation ministry (MOSTI)** will continue to be committed to instilling the people's interest in science, thereby increasing the number of students in the field.

Its **secretary-general, Datuk Dr Mohd Azhar Yahaya** said the country was targeting one million workers in the field of science, technology and innovation (STI) by 2020.

"The fact is today, we are far from meeting the target as a research by the Academy of Sciences Malaysia showed only 20 per cent of the students in the country are in the science stream.

"Generally, science is considered a difficult field and this is the main reason many did not choose the stream," he told reporters after closing the 2016 Creativity and Science4u carnival here Sunday.

In the ceremony which was also attended by Melaka Education director Abu Bakar Saari, Mohd Azhar said to ensure the target of one million workers in STI was achieved, the ratio of science students needed to reach 60 per cent.

"It is MOSTI's responsibility to cultivate a science culture among the people, and change public opinion that science is easy, and instil using science consciously in our daily life.

"MOSTI also has an important role in planning career development based on STI as a motivation for the future generation to choose fields related to Science, Technology, and Mathematics," he added.

He said there was a huge need for manpower in the fields as new employment opportunities were based on science and technology.

-- BERNAMA



MOSTI Tingkat Usaha Tambah Bilangan Pelajar Ceburi Bidang Sains

MELAKA, 25 Sept (Bernama) -- **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)** terus komited dalam usahanya menyemai minat masyarakat dalam bidang sains sekali gus menambah bilangan pelajar yang menceburi bidang berkenaan.

Ketua Setiausaha MOSTI Datuk Dr Mohd Azhar Yahaya berkata negara menyasarkan satu juta tenaga kerja dalam bidang sains, teknologi dan inovasi (STI) menjelang 2020.

"Hakikatnya pada hari ini kita amat jauh sekali daripada sasaran tersebut kerana berdasarkan kaji selidik yang dijalankan Akademi Sains Malaysia, hanya 20 peratus pelajar di negara ini yang mengambil jurusan sains.

"Rata-rata ramai yang beranggapan sains adalah satu ilmu atau bidang yang sukar dan ia menjadi alasan utama untuk tidak memilih jurusan sains," katanya kepada pemberita selepas Majlis Penutup Karnival Creativity and Science4u 2016 di sini, hari ini.

Pada majlis yang turut dihadiri Pengarah Pelajaran Melaka Abu Bakar Saari itu, Mohd Azhar berkata bagi memastikan sasaran satu juta tenaga kerja dengan asas STI dapat dicapai, nisbah bilangan pelajar sains perlu berada pada tahap 60 peratus.

"Adalah menjadi tanggungjawab MOSTI untuk membudayakan sains dalam masyarakat dan menukar pandangan orang ramai kepada "sains itu mudah" serta menjadikan sains sebagai sebahagian daripada kehidupan kita.

"MOSTI juga mempunyai peranan penting dalam merangka kemajuan kerjaya berteraskan STI sebagai motivasi generasi akan datang untuk memilih jurusan bidang berkaitan Sains, Teknologi dan Matematik," katanya.

Beliau berkata tenaga kerja yang ramai diperlukan dalam bidang ini kerana dijangkakan peluang pekerjaan baharu yang berteraskan sains dan teknologi seperti dalam bidang teknologi nano, sains angkasa dan penjagaan kesihatan akan bertambah dalam tempoh empat tahun lagi.

Mengulas lanjut, Mohd Azhar berkata antara langkah yang dilaksanakan MOSTI dalam usahanya menyemai minat terhadap bidang sains kepada pelajar ialah dengan mengadakan Karnival Creativity and Science4u.

"Ramai beranggapan "sains itu ilmu atau bidang yang sukar". Ramai pelajar sekolah tidak berminat untuk mengikuti jurusan sains atas alasan berkenaan.

"Justeru, MOSTI berusaha membawa pendekatan santai dan interaktif melalui karnival ini yang telah dilaksanakan di Kuching, Sarawak; Kota Belud, Sabah; Kluang, Johor dan berakhir di Melaka untuk tahun ini," katanya.

Beliau berkata karnival ini telah berjaya menarik kehadiran sebanyak 20,000 pengunjung di empat lokasi terlibat.

Karnival Creativity and Science4u merupakan acara tahunan MOSTI dalam usahanya untuk meningkatkan, memperkasa dan membudayakan pembelajaran sains, teknologi dan inovasi dalam masyarakat.

Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang karnival tiga hari bermula Jumaat lepas ialah tayangan mini planetarium, pencerapan matahari dan planet, pertandingan Crime Scene Investigation, pertandingan Idola Penyampai Cuaca dan Teh Tarik bersama Angkasawan Negara Datuk Dr. Sheikh Muszaphar Shukor.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 22
TARIKH : 26 SEPTEMBER 2016 (ISNIN)

Sirim hasilkan bateri MyLipos

Oleh LAUPA JUNUS
laupajunus@hotmail.com



SATU lagi kajian mengenai bateri dijalankan oleh penyelidik SIRIM Berhad, Dr. Mohd. Ali Sulaiman yang berjaya menghasilkan inovasi MyLipos juga menarik untuk dibincangkan.

Mohd. Ali yang juga Ketua Seksyen Bahan Tenaga Pusat Penyelidikan Bahan Termaju (AMREC) SIRIM Industrial Research berkata, penyelidikan yang dijalankan adalah berkaitan dengan teknologi bateri ion lithium, dengan memberi

kepada penambahbaikan prestasi bateri melalui formulasi bahan.

MyLipos merujuk kepada teknologi *Lithium-ion Battery* yang menggunakan bahan utama iaitu *Lithium Metal Phosphate*.

Menurut Mohd. Ali, tujuan penyelidikan bahan bateri termaju adalah untuk mencari bahan baharu dalam proses pembuatan bateri dengan menimbangkan tiga faktor iaitu prestasi bateri, kos penghasilan bahan dan kelestarian bahan.

"Pada umumnya tenaga dan peranti sama ada peranti elektronik atau elektrik tidak dapat dipisahkan.

"Setiap alatan elektronik memerlukan sumber elektrik untuk berfungsi. Peranti elektronik boleh alih sudah tentu memerlukan sumber tenaga elektrik.

Dalam hal ini, bateri adalah satu-satunya sumber tenaga yang boleh alih pada masa kini.



MOHD. ALI SULAIMAN

"Sebagai contoh telefon bimbit memerlukan bateri sebagai sumber tenaga untuk membolehkannya berfungsi," ujar beliau.

Pada masa kini, katanya, bateri ion lithium adalah teknologi terbaik kerana dapat menghasilkan ketumpatan tenaga yang tinggi, sama ada dari sudut gravimetrik (berat) mahupun dari sudut volumetriknya (saiz).

Ini kerana, bateri jenis itu menggunakan unsur yang ketiga dalam jadual berkala, yang merupakan bahan logam paling ringan dan aktif secara elektrokimia.

Penyelidikan tersebut kata beliau, didominasi oleh SIRIM dengan mengembangkan ketiga-tiga spektra penyelidikan, iaitu bahan, pemrosesan dan prototaip.

Berkongsi lebih lanjut beliau berkata, tujuan penyelidikan pemrosesan pula adalah untuk mencari kaedah penghasilan bateri terbaik untuk skala industri, keberkesanan kos dan



MOHD. ALI SULAIMAN menunjukkan MyLipos yang diguna pakai dalam motosikal elektrik Modenas.

mudah.

Bagi penyelidikan pembangunan prototaip, SIRIM ingin mempelbagaikan kegunaan MyLipos dalam pelbagai industri seperti suhu, kelembapan dan kemasinan dan keperluan tenaga oleh peranti berkaitan.

Walau bagaimanapun terdapat juga kumpulan kecil di universiti tempatan yang memberi fokus kepada penyelidikan bahan untuk kegunaan dalam teknologi tersebut, seperti Universiti Pertahanan Nasional (UPNM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

Dana penyelidikan ini adalah di bawah pembiayaan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Ketika ditanya apakah faktor yang mendorong beliau menjalankan penyelidikan tersebut, Mohd. Ali berkata, buat masa ini, masih belum ada syarikat yang beroperasi di

Malaysia yang menghasilkan bateri ion lithium sedangkan permintaan untuk kegunaan teknologi ini amat besar.

La selari dengan perkembangan industri elektronik dan industri pengangkutan terutama kenderaan pacuan elektrik. Oleh yang demikian, inisiatif ke arah mewujudkan industri penghasilan bateri ion lithium hendaklah diselenggarakan dengan aktiviti penyelidikan, kerana perkembangan industri ini amat pantas.

"Diharap penyelidikan yang dilakukan oleh AMREC, SIRIM ini dapat membantu pertumbuhan industri pembuatan bateri ion lithium di negara ini," ujar beliau.

MyLipos katanya telah terbukti dapat berfungsi dengan baik dalam pelbagai sektor penggunaan dan hasil penyelidikan ini sedia untuk dikomersialkan.

Menurut beliau lagi perkembangan semasa dalam teknologi penyimpanan tenaga atau bateri ketika ini amat memberangsangkan terutama

untuk kegunaan peranti boleh alih.

Keperluan ini makin mendesak seiring dengan kemajuan tenaga boleh diperbaharui (*renewable energy*) seperti tenaga solar, tenaga angin, tenaga air ombak dan sebagainya.

Permintaan terhadap penggunaan tenaga yang dibekalkan oleh bateri dalam industri automotif semakin meningkat. Malaysia juga melalui Pelan Transformasi Ekonomi dalam subsektor Projek Permulaan (EPP 15) menasarkan 2,000 buah bas elektrik dan 100,000 buah kereta elektrik berada di jalan raya menjelang tahun 2020.

Beliau juga berharap penyelidik tempatan terus menyumbang dalam kemajuan penyelidikan dalam bidang bateri ini dengan memfokus ke arah penyelidikan yang berorientasikan pembangunan industri tempatan, dengan mengambil kira peningkatan prestasi dan pengurangan kos produk bateri.



MYLIPOS untuk kegunaan lampu jalan bersama solar fotovoltaik (PV) yang dipasang di salah sebuah jeti.



KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (LIVE BOTS) : MUKA SURAT 5
TARIKH : 26 SEPTEMBER 2016 (ISNIN)

IF there's trouble in cyberspace, just report to Cyber999. Run by the Malaysia Computer Emergency Response Team, better known as MyCERT, from the office of CyberSecurity Malaysia, it provides a point of reference for the internet community in Malaysia to deal with computer security incidents.

MyCERT also provides assistance in handling incidents such as intrusion, identity theft, malware infection, cyber harassment/ bullying, all sorts of computer security-related incidents as well as the latest growing threat - ransomware attacks.

WHAT IS RANSOMWARE?

Ransomware is a type of malicious software (malware) that is designed to hold the victim's computer to ransom, either by restricting access to the computer by locking the desktop or by encrypting the user's files until a sum of money is paid.

According to Dr Amiruddin Abdul Wahab, CEO of CyberSecurity Malaysia, ransomware puts a computer out of action by disabling a number of tools and programs in the registry. The ransomware can also disable the keyboard and mouse, leaving only the number pad active.

The ransomware then displays a warning message, typically claiming to be from an arm of the law enforcement. The warning message also typically states that the user has been found accessing illegal content and that a fine must be paid to unlock the computer.

Chee Choon Hong, director of Asia Consumer Business, Norton By Symantec revealed that there has been a 35 per cent increase in Crypto-ransomware attacks in 2015. With a total of 5,069 attacks, an average of 14 attacks every day, it puts Malaysia in 12th place regionally, and 47th place globally in terms of ransomware attacks.

TYPES OF RANSOMWARE

There are basically two types of ransomware - Locker and Crypto. Lockers emerged in 2012 and requires victims to pay a "fine", whereas Crypto, which appeared in 2014, asks the victims to pay a "fee".

There are many ways ransomware can be spread, including through malvertising. These are malicious advertisements that are placed at websites with a high visitor volume. Once the computer user clicks on any of the advertisements, the malware begins to infiltrate the computer system and/or network to lock or encrypt its data.

BEWARE OF RANSOMWARE

It pays to pay attention to cyber security and prevent unwarranted threats such as ransomware, writes

Hanna Sheikh Mokhtar



Ransomware works by holding the victim's computer to ransom.

Other malware can also be passed via compromised computers and systems. Some ransomware are less discreet and uses brute-forcing to obtain the victim's login credentials for software used on servers.

There are also Android ransomware that can spread to all contacts on a device's address book using SMS messages as well as through untrusted third party apps.

NEW TARGETS

Since January 2015, more and more consumers have been targeted. Dr Amiruddin said that 57 per cent of all infections between January 2015 and April 2016 were consumers, while organisations made up the balance 47 per cent. On the reason for this turn of event, Dr Amiruddin said: "Consumers are often less likely to have robust security in place. This inadvertently increases the possibility of them falling victim to ransomware."

Where cyber-criminals often used to target businesses, they now attack personal consumer desktops, mobile

phones, phablets and tablets, as well as IoT devices and wearables. The connected world we live in today makes it so much easier for cyber-criminals to operate and find unsuspecting victims.

PROTECTING OURSELVES AS CONSUMERS

Consumers often make the mistake of not paying enough attention to possible threats from criminals. As one of the world's largest cyber intelligence networks, Chee said that Symantec is seeing more threats, and is therefore committed to protecting more customers from the next generation of attacks.

"Always stay vigilant and be security savvy. Never take your online security for granted and pay particular attention to the passwords you use. Make them as complex and unique as possible," Chee advises consumers.

He said that if an offer sounds too good to be true on social media sites, it just might be that it's not true. So before clicking on any link, he advises users to hover their mouse over the link to see its destination.

SAFETY TIPS

Concerned with the trend of attacks on consumers, Symantec advises netizens to do the following.

- Use strong passwords. Many computer users are guilty of using simple and predictable passwords as they are easy to remember. A strong password of at least eight characters inclusive of numbers and symbols is recommended.
- Think before you click. Offers that are too good to be true are often just that. So don't fall for these offers as they will most likely be malware or worse, ransomware.
- Protect yourself. Make sure you invest in good antivirus software and that it is up-to-date.
- Be wary of scareware tactics. Some will email victims claiming they have not paid their monthly bills. If they do not act upon the email, they will have to face the law. Victims are then asked to click on the link to find out more or to provide their details. This is all a scam.
- Safeguard your personal data. Do not provide your personal data on the Internet to any untrusted third party. Once these criminals have your personal data, they can use it to cause more harm.

Consumers should be wary when storing or sharing credit card information on retailer, commerce, or social networking websites. If the information that the website has requested does not make sense, then it is probably a fake site.

To those into online shopping, they should always monitor their financial accounts for unusual activity. Report immediately if there is a charge that wasn't made.

As consumers share and store more confidential information through their mobile devices, it becomes imperative for them to add more security to protect their data. Enhanced security is also useful to protect against theft or loss of their devices.

Chee says that Symantec has the Norton Mobile Security that helps protect mobile devices with an easy-to-use web-based service.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (BISNES) : MUKA SURAT B4
TARIKH : 26 SEPTEMBER 2016 (ISNIN)

→ BISNES



(FOTO HAIRUL ANUAR ABD RAHIM/BH)

Info

Profil

→ **Nama:** Ifnu Hakim
Abdul Rafor
→ **Umur:** 39 tahun
→ **Asal:** Johor Bahru
→ **Syarikat:** Microclear Sdn Bhd
→ **Jawatan:** Pengarah Urusan
→ **Syarikat lain:** Zitech Office Solution Sdn Bhd
→ **Pendidikan:** Sarjana Muda Perakaunan UNITEN
→ **Jawatan lain:** Ahli Jawatankuasa Dewan Perniagaan Malaysia Negeri Johor; EXCO Dewan Muda DPMNJ; Timbalan Pengerusi Negeri Johor Pertubuhan Generasi Muda Berjaya Malaysia (GMB) dan Pengerusi Pertubuhan Pemikir Johor Bahru

Ifnu Hakim menunjukkan produk syarikatnya, Biodegradable dan Biodegreaser ketika ditemui di Johor Bahru, baru-baru ini.

Usahawan barangan terpakai kini terajui syarikat bioteknologi

➔ **Graduan UNITEN** jalin usaha sama dengan UTM hasilkan pencuci mesra alam



Oleh Zuraidah Mohamed
zmohamed@bh.com.my

Beliau pernah mengusahakan perniagaan barangan terpakai yang diambil di merata tempat, termasuk dari perkampungan Orang Asli di Rengit, Batu Pahat bersama rakan-nya di Uptown Damansara, Selangor pada 2006 untuk menyara kehidupan.

Pada usia 26 tahun, mungkin

ramai kalangan rakan seangkatan-nya mempunyai kerjaya profesional yang meraih gaji lumayan.

Namun, selepas Sarjana Muda Perakaunan Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) ini, walaupun berniaga hanya secara kecil-kecilan, ia mampu memberi kepuasan kepadanya, selain mendapat pulangan hasil titik peluh sendiri.

Ifnu Hakim Abdul Rafor, 39, turut mengakui terpaksa membuat pinjaman peribadi sebanyak RM30,000 untuk memulakan perniagaan, tambahan pula beliau berkahwin pada usia muda.

Wang berkenaan antara lain digunakan untuk membayar sewa tapak dan membeli stok barangan terpakai seperti kipas, lampu, perabot, televisyen dan seterusnya.

"Mula-mula saya amat segan berniaga barangan terpakai di tepi jalan. Pernah terjadi, saya terpaksa bersembunyi belakang premis perniagaan di Uptown Damansara hanya kerana mahu menyorok daripada rakan yang melalui di kawasan itu.

"Lama kelamaan, perasaan malu itu hilang dan saya mula rasa seronok apabila boleh meraih jualan sehingga RM10,000 sebulan. Namun, saya hanya setahun sahaja

berniaga di situ berikutan peniaga dipindahkan ke lokasi lain, sekali gus menjajaskan perniagaan saya kerana tiada pasaran.

"Saya dan isteri, Nurzalia Omar kemudian mengambil keputusan untuk membuka pusat tuisyen di Larkin Perdana Johor Bahru, sebelum membuka syarikat Zitech Office Solution Sdn Bhd yang membekalkan peralatan pejabat," katanya ketika ditemui di Johor Bahru.

Dapat geran RM2 juta

Ifnu Hakim berkata, sejajar perkembangan perniagaan yang diusahakan bersama isterinya, beliau mula mengorak langkah dengan menubuhkan syarikat usaha sama dengan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) bagi pengeluaran produk bioteknologi bagi industri dan kegunaan isi rumah.

Microclear Sdn Bhd (Microclear) ditubuhkan pada 2011 yang mana Ifnu Hakim menguasai 60 peratus ekuiti dan baki 40 peratus oleh UTM.

Syarikat itu mempunyai gudang di Kawasan Perindustrian Permas Jaya, Johor Bahru manakala R&D dikendalikan di UTM, Skudai dengan kakitangan dan tiga penye-

lidik universiti berkenaan.

"Saya bersyukur kerana berjaya mendapatkan geran RM2 juta daripada Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MITDC) bagi pembangunan teknologi. Ini adalah bersandarkan keupayaan syarikat dalam bidang bioteknologi.

"Setakat ini, kami berjaya menghasilkan dua produk, termasuk bahan pencuci yang tidak mengancam alam sekitar dan hidupan akuatik yang menggunakan bahan tumbuhan dan teknologi bio," katanya.

Ifnu Hakim berkata, syarikatnya juga akan memperkenalkan produk baharu tahun depan iaitu gris daripada sisa minyak kapal, selepas dua tahun menjalani penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Eksport ke Singapura

Katanya, syarikat sudah menandatangani perjanjian dengan satu syarikat untuk mengeksport produk ke Singapura membabitkan kontrak bernilai RM500,000 setahun.

"Selain itu, kami juga mendapat permintaan dari Mesir, Filipina dan Korea dan menjangkakan perbincangan akan dimuktamadkan tahun depan.

"Pada masa ini, syarikat mengeluarkan 30,000 liter sebulan, dan dijangka mencapai kapasiti pengeluaran sebanyak 100,00 liter sebulan apabila syarikat mula mengeksport tahun depan," katanya sambil memberitahu syarikat kini meninjau kawasan seluas 7,000 kaki persegi untuk menempatkan operasinya dalam satu kawasan.

Ifnu Hakim berkata, dalam tempoh lima tahun menjalankan operasi Microclear, beliau banyak mempelajari kaedah untuk memasarkan produk dengan lebih baik.

"Produk saya pernah diangap sebagai tidak berkualiti dan jauh untuk bersaing dengan produk antarabangsa. Namun, saya anggap semua tanggapan itu sebagai cabaran dan pendorong semangat untuk menjadikan produk keluaran syarikat setanding atau lebih baik dari produk antarabangsa.

"Saya tidak berputus asa menjalankan demonstrasi produk, dan menjualnya di merata tempat. Kini produk keluaran Microclear mendapat kepercayaan syarikat besar, termasuk kumpulan FELDA, Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (PERODUA) dan Pengerang Terminal Sdn Bhd," katanya.

Nurturing technopreneurs

I READ with interest the article "A need to invest in science R&D jobs" (*The Star*, Aug 22) by Prof Datuk Dr Ahmad Ibrahim. Throughout my years in providing career guidance to school leavers, I have not been able to paint clearly to students the career path of a science graduate.

While those who study medicine, law, engineering or accountancy know they will one day be a doctor, lawyer, engineer or accountant, a science graduate could probably end up as a science teacher or credit card promoter, insurance agent, supermarket personnel or doing any job they can get. This may be one of the reasons why students and parents are shying away from science stream at secondary school. Unless they feel confident of getting into medicine or engineering or other professional fields which are usually highly competitive, they would prefer to opt for the "safer" options in the arts stream like business, law, accountancy and etc.

The potential of science graduates in contributing to national economic development has yet to be fully exploited. Malaysia's rich natural resources can be turned into high-value finished products through science and technology.

A graduate in chemistry has the

potential of becoming an entrepreneur in a wide range of industries such as processed food and beverages, cosmetics, detergents and surfactants, adhesives and resins, paints and coatings, glasses and ceramics, fragrances and flavour, just to name a few.

A successful example is Top Glove, the world's number one glove producer. At a Power Talk organised by Star Media Group, Top Glove chairman Tan Sri Dr Lim Wee Chai illustrated how he managed to stay competitive in both pricing and quality by continuously producing higher quality gloves using less materials through R&D.

While Top Glove has the capacity to invest in R&D, this is not the case with our SMEs. The SME Association of Malaysia predicts that 30% of Malaysian SMEs will perish if the Trans-Pacific Partnership Agreement (TPPA) ever comes into force.

Recently, the association launched a Trade Credit Pledge Campaign in an attempt to overcome problems of lack of trade credit and prompt payment. This reflects the dire situation some of our SMEs are in during the current economic slowdown.

Science and technology can invigorate Malaysian SMEs by add-

ing value to their products and processes.

Many years ago, I attended a Sirim Open Day event for which the theme was developing market-driven R&D. I wonder how effective the effort has been.

The recent initiative by the Higher Education Ministry in setting up the Public-Private Research Network (PPRN) to facilitate and provide funding for the SMEs to secure R&D support from local public universities is indeed encouraging.

Efforts can be intensified to nurture a new breed of technopreneurs. One way to do this is to showcase technopreneur as a career choice to students. It will enhance motivation and interest in studying science.

Youths today are smitten by the career success of corporate leaders as well as film stars and sportsmen. Showing them how science and technology can be an instrument for career success, as exemplified by the corporate giants of the West, can create greater interest.

The recent emergence of e-commerce and Internet technologies also provides a conducive environment to promote science, technology and technopreneurship.

Currently, there are pockets of science promotion activities at school level conducted by, among others, the Malaysian Scientific Association's Public Appreciation of Science, Technology & Innovation (Pasti), Institution of Engineers (IEM), National Science Centre and Petrosains. These activities can be amalgamated to create greater impact among the public.

Efforts can also be intensified to promote science careers online and through social media as these are the youth's current trend of communicating.

To this end, I have launched a web portal, sciencecareer.asia, which encompasses higher education and careers in science, popular science, scholarships for science and technology study, technopreneurship and international youth programmes.

In the 80s, the then Science, Technology and Environment Ministry used to organise a National Science Week. Perhaps this could be revived by putting together on-going science, technology and innovation activities to give science the necessary boost at national level.

WEE HUI BEH
Kajang